

1. **Soalan:**
Siapakah yang layak menikmati insentif ini?

Jawapan :

Semua majikan (merujuk kepada pembayar cukai yang mempunyai perniagaan berdaftar termasuk perniagaan tunggal) yang menjalankan perniagaan dan membayar cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 layak menikmati insentif ini.

2. **Soalan:**
Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk menikmati insentif ini?

Jawapan :

Syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk menikmati insentif ini ialah:-

- a. Majikan membuat bayaran hutang PTPTN bagi pihak pekerja
- b. Taraf pekerjaan pekerja adalah Sepenuh Masa
- c. Pekerja tidak boleh dikenakan **apa-apa bayaran*** sebagai balasan kepada pembayaran hutang PTPTN yang telah dijelaskan oleh majikan
(* **membayar balik pembayaran kepada PTPTN yang dibuat oleh majikan**)

3. **Soalan:**
Berapakah amaun minimum dan maksimum bayaran hutang bagi menikmati insentif ini?

Jawapan :

Tiada amaun minimum dan maksimum ditetapkan. Majikan layak menikmati potongan cukai ke atas apa-apa jumlah bayaran balik yang telah dijelaskan oleh majikan sama ada bayaran ansuran setiap bulan atau penyelesaian penuh dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019.

4. **Soalan:**
Bagaimanakah kaedah bayaran balik oleh majikan kepada PTPTN?

Jawapan:

Majikan perlu membuat bayaran balik melalui Portal PTPTN di www.ptptn.gov.my mulai 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019.

5. **Soalan:**
Adakah PTPTN akan mengeluarkan resit bayaran kepada majikan?

Jawapan :
Resit boleh dicetak sebaik sahaja selesai bayaran dibuat melalui Portal PTPTN. Di samping itu, PTPTN juga akan mengeluarkan penyata bayaran hutang PTPTN pada awal tahun 2020.

6. **Soalan:**
Apakah yang perlu dilakukan sekiranya majikan mengarahkan pekerja membuat bayaran terhadap bayaran balik yang telah dibuat majikan?

Jawapan :
Pekerja boleh membuat aduan kepada PTPTN dan akan dipanjangkan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) untuk siasatan. Majikan yang memberikan tuntutan palsu bagi maksud potongan cukai adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

7. **Soalan:**
Saya menjalankan perniagaan sendiri dan merupakan majikan kepada perniagaan tersebut. Adakah saya layak menikmati insentif ini sekiranya membuat bayaran hutang PTPTN diri sendiri?

Jawapan :
Tidak layak. Insentif ini hanya diberikan kepada majikan yang membantu pekerja membuat bayaran balik hutang PTPTN.

8. **Soalan:**
Selain daripada diri sendiri sebagai majikan, adakah terdapat kategori pekerja lain yang tidak layak menikmati insentif ini?

Jawapan :
Majikan yang membayar pekerja yang merupakan pasangan, anak, cucu dan adik-beradik sendiri tidak layak menikmati insentif ini.

9. **Soalan:**
Adakah jumlah bayaran balik yang telah dijelaskan oleh majikan akan dikenakan cukai ke atas pekerja?

Jawapan :
Jumlah bayaran balik yang telah dijelaskan oleh majikan dianggap sebagai sebahagian daripada pendapatan pekerja (perkuisit) dan dikecualikan daripada pengiraan cukai pendapatan individu.